

## **DEKLARASI RAKYAT**

**Chedet.cc**

**25 April 2016**

**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Saya adalah antara empat puluh lima orang yang terawal menandatangani Deklarasi Rakyat mendesak supaya Dato Sri Najib diberhentikan dari menjadi Perdana Menteri Malaysia.
2. Saya menandatangani deklarasi ini kerana semua jalan yang sah untuk menamatkan jawatan Dato Sri Najib sudah ditutup rapat olehnya.
3. Yang pertama UMNO sudah tidak lagi diurus sebagai sebuah parti demokratik yang memberi hak kepada ahli dan pemimpin untuk memilih pemimpin. Dahulu Presiden parti boleh ditegur, dicabar dan ditandingi. Ahli bebas mengundi mana-mana calon yang mereka suka. Sekarang hak ini sudah ditamatkan oleh Najib. Sesiapa yang menegurnya dilucutkan jawatan dan ditamatkan keahlian. Dan bermacam tekanan lain dikenakan.
4. Yang jelas ialah tidak ada lagi harapan atau peluang bagi UMNO menukar pemimpin dan menamatkan salahlaku Najib.
5. Rakyat juga kehilangan hak melapor kepada polis berkenaan salahlaku Najib. Mereka akan disoal, ditangkap, dimasukkan dalam tahanan dan dihadapkan ke mahkamah. Peguam mereka juga akan ditangkap.
6. Akhbar dan TV tidak boleh melaporkan berkenaan salahlaku Najib. Rakyat disogok dengan berita palsu menafikan semua dakwaan salahguna kuasa olehnya, berkenaan skandal 1MDB dan 2.6 billion Ringgit yang ada dalam akaun peribadinya, kehilangan berbillion Ringgit duit Kerajaan, kemerosotan kewangan Kerajaan sehingga tidak dapat membekal Kementerian-Kementerian dengan peruntukan mengikut bajet, pemberian wang kepada pemimpin tertentu semasa PRU 13, peranan Jho Low, syarikat dan banknya melesapkan berbillion Ringgit duit 1MDB, cara hidup mewah keluarga Najib yang tidak dapat dibiayai oleh seorang Perdana Menteri dan bermacam lagi.
7. Wakil Rakyat UMNO membisu dan meluluskan apa sahaja akta yang dikemukakan kepada mereka. Undi tidak percaya tidak boleh diadakan kerana wakil rakyat UMNO tidak berani dan tidak akan sokong, walaupun mereka ketahui skandal disekelilingnya.
8. Kemungkinan UMNO memperbaiki keadaan atau menyingkir Najib sudah tidak ada lagi. Ahli UMNO sendiri tidak langsung ternampak mengambil berat akan masalah negara. Kebencian mereka kepada tokoh tertentu mengatasi kesayangan dan kesetiaan mereka kepada negara.
9. Oleh itu hanya rakyat yang cinta dan sayang negara sahaja yang boleh bertindak. Memang tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan bagi rakyat bertindak. Tetapi dari sejarah perjuangan melawan Malayan Union, tuntutan rakyat supaya Raja-Raja Melayu menolak Malayan Union berjaya. Kita boleh percaya kali ini juga tuntutan rakyat akan mendapat layanan yang sama.
10. Oleh itu saya rayu kepada rakyat tanpa mengira kaum atau parti supaya menandatangani Deklarasi Rakyat untuk menyelamatkan negara kita Malaysia. Lebih ramai sokongan kepada Deklarasi

Rakyat lebih besarlah kemungkinan matlamat menamatkan kedudukan Najib sebagai Perdana Menteri dicapai.

ENG VERSION

#### DECLARATION OF THE PEOPLE

1. I was among the earliest forty five people who signed the Declaration of the People urging Dato' Seri Najib be dismissed from being the Prime Minister of Malaysia.
2. I signed this Declaration as all legitimate means to end his post has been tightly closed by Dato' Seri Najib.
3. First and foremost, Umno is no longer managed as a democratic party which gives rights to its members and leaders to choose their leaders. Formerly, the president can be criticized, challenged and contested. Members are free to vote any candidate they like. Now these rights have been terminated by Najib. Anyone who criticizes him are stripped of his position and his membership terminated. And various other pressures are applied.
4. What is manifest is that there is no longer any hope or opportunities for UMNO to change its leaders and put an end to Najib's misconduct.
5. People have also lose their right to report to the police on Najib's wrongdoings. They will be questioned, arrested, kept in custody and brought to court. Their lawyers will also be arrested.
6. Press and TV cannot report Najib's wrongdoings. People are fed with false news which deny all allegations on abuses of power by him, the 1MDB scandal and 2.6 billion ringgit in his personal account, the lost of billions of ringgit belonging to the Government, the deterioration of the Government's financial standing and therefore its ability to provide ministries with their budgeted allocations, giving money to the particular leaders during the 13th general election, the role of Jho Low, his bank and company in dissipating billions of ringgit belonging to 1MDB, Najib's family luxurious lifestyle that is not commensurate with a prime minister's income, and many more.
7. UMNO's Members of Parliament are silent and approve all Acts submitted to them. Vote of no confidence cannot be held because UMNO Members of Parliament dare not and will not support, although they know the scandals surrounding him.
8. The possibility of UMNO improving the situation or removing Najib is not there anymore. UMNO members themselves are not directly concerned with the problems facing the country. Their hatred towards certain personalities override their love and loyalty to the nation.
9. Therefore only people who have love and affection for the country that can act. Indeed, there is no provision in the Constitution for the people to act. But from the history of the struggle against the Malayan Union, the demands of the people to the Rulers to refuse the Malayan Union succeeded. We can believe this time again the demands of the people will be accorded the same treatment.
10. Therefore, I appeal to people regardless of race or party to sign the Declaration of the People to save our country Malaysia. The more the support for the Declaration, the greater the chances of achieving the objective of disposing Najib as Prime Minister.

44 thoughts on "DEKLARASI RAKYAT"

1. [Log in to Reply HouseWife](#) [May 2, 2016 12:18 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Izinkan saya Tun, saya nak luah perasaan ni.

Tun, mulut si nazri rasa macam nak tenyeh2 dengan cabai burung! Sekolah mana yang ajar dia cakap besar dan lagak sangat2 biadap dengan Tun. Cakap pun macam ala-ala gangster, boleh tahu pula tu tanpa police escort Tun akan ditimpa sesuatu yang buruk. Si nazri, boleh tak tolong jangan nak ugut dan menakut-nakutkan Tun dan kami. Ada ka patut si ala-ala gangster ni nak ajak ORANG TUA BERUMUR 91 TAHUN BERNAMA TUN DR MAHATHIR MOHAMAD bertumbuk!? Kurang asam punya orang! Si nazri ni minister of pelancongan ka minister of kdn ke apa?

Dia ni menteri apa sebenarnya? Dah jadi spokesman bagi pihak police ka? Si nazri ni pun baguih juga kerja dia, tiap2 musim dia dapat bawa masuk punyalah ramai "pelancong" hebat2 yang bukan saja dapat bawa masuk banyak "duit isi tabung2 kerajaan DSN" tapi juga "menambahbaik" moral rakyat negara.

I'm beginning to hate this person and persons like him even more because of their big mouths!  
Astaqfirullah...sabaq...sabaq...

Kalau ye pun nak tarik ini tarik itu, tak boleh cakap elok2 ka? Tun orang dah tua sangat mana nak larat lawan. Tapi yang awak semua tak boleh tarik ialah keimanan Tun, keilmuan Tun yang tinggi, kewarasan Tun, ketegasan dan keberanian Tun dan yang paling istimewa dan penting kecintaan Tun pada Bangsa, Agama dan Negara. Tun akan terus berjuang daripada perakus2 dan perosak2 negara terus bermaharajalela.

Mereka nak tarik apa2 keistimewaan duniawi pun tariklah, Allah akan Melindungi Tun dan keluarga Tun dan sahabat2 Tun. Tun sudah jadi rakyat biasa maka Tun adalah kepunyaan rakyat biasa dan rakyat biasa akan melindungi Tun. Selama ini kami rakyat biasa pun tak ada police escort, yang escort dan lindungi kami adalah Allah S.W.T.

Si nazri ni juga kata kerajaan DSN tak akan bertanggungjawab ke atas Tun jika sesuatu terjadi pada Tun?...no no nooo...no way!...kerajaan DSN akan dan mesti bertanggungjawab! We rakyat biasa will make sure of that sebab si nazri si mulut besar dah buka dan beri jalan dan memberi andaian seolah-olah sesuatu akan terjadi. Semua kementerian beruniform dan bersenjata dah dok bawah ketiak DSN tapi untuk melindungi siapa?...DSN dan gang saja ka?...Tun, rakyat biasa yang dah banyak berjasa dan ada yang dapat hidup mewah di atas peluh keringat Tun tak berhak ka? Rakyat tak sanggup dan sudi melihat Tun di tindas oleh mereka yang tak mengenang jasa dan budi. Takpe la Tun, apa2 yang Tun dah lakukan untuk mereka ini ikhlaskan saja, pada Allah saja mohon keberkatan di atas segala usaha murni Tun.

Tun, dunia ini adalah pentas sementara dan manusia hidup sentiasa diuji. Tun diuji dengan begitu hebat dipenghujung jalan, maknanya Allah mengingati Tun. Dengan izin Allah Tun teruskan perjuangan Tun, banyak2 berdoa dan tawakkal pada Allah. Kita merancang segala-galanya ketentuan Illahi. Wallahu'alm.

May Allah Bless you Tun. May Allah Protect you Always Tun. May Allah grant you great wealth in health, happiness and knowledge. Please take extra care of your safety Tun.

2. [Log in to Reply Hajar](#) [May 1, 2016 11:21 PM](#)

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

1. Tun, saya yakin SATU JUTA TANDATANGAN 'Deklarasi Rakyat – Selamatkan Malaysia' akan dapat dicapai dalam masa terdekat.

2. Khidmat 'Polis Pengiring / Escort' Tun ditamatkan walaupun Tun berhak sebagai bekas PM. Tun mesti saman 'Rejim Najib' kerana ini 'hak keistimewaan' Tun yang tidak boleh sewenang-wenangnya ditarik.

(Komen bod\*h dari DS Nazri: <http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/05/01/nazri-dr-m-police-escort/> )

3. Teruskan usaha gigih Tun. Saya amat kagum dengan kesungguhan Tun dalam membantu rakyat menyingkirkan PM & gang yang korup dan tidak sedar diri serta bod\*h-sombong.

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga \*\*\*

3. [Log in to Reply HouseWife](#) [Apr 30, 2016 1:36 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Tun, saya nak tanya adakah Deklarasi Rakyat ni dah sampai kepada rakyat di negeri Bumi Kenyalang dan Di Bawah Bayu? Ini bukan masalah Umno dan Semenanjung je kan, ini mengenai masalah penipuan dan penyelewengan PM Malaysia, PM untuk semua. Jika PM Malaysia ini mendatangkan masalah besar kepada rakyat Semenanjung, dia akan terbawa-bawa masalah ini ke seberang juga kan Tun, sebab orang2 dia ramai dari sana dah masuk sini. So pasti apa yang diajar oleh DSN mereka akan bawa balik ke tempat masing2 kan Tun. So Deklarasi Rakyat ini patut diambil perhatian, diambil berat dan disokong oleh semua Rakyat Malaysia yang cinta dan mahu lihat Malaysia selamat daripada di'rakus' oleh DSN dan gang dia yang tamak dan buat tanahair ini seperti empunya.

Tapi masalahnya, nak tulis apa2 di atas apa2 bernama kertas kdn dok spy, tulis di alam maya pun dok teropong, habis semua kena tangkap...so nak luah perasaan dan pendapat lagu mana? Saya rasa Tun, kot ada yang buat secara 'underground', orang berpolitik pun ada buat begini kan Tun. Tun boleh masuk Sabah dan Sarawak untuk menyampaikan Deklarasi Rakyat ka Tun? Tun dah ada Team B ka? Mereka boleh bantu Tun. Tun kena banyak2 rehat juga dan kalau boleh janganlah kerja di luar waktu panas.

Tun, nak cakap sikit pasal kempen prn Sarawak. Kempen di prn Sarawak ni macam berat sebelah je. BN senang je guna jentera2 kerajaan sediada dan tabur banyak duit sapu sana sapu sini. Memang dari dulu caranya macam ni kan Tun. Mereka yang nak berkempen nak jejak kaki di sana pun tak dibenarkan, funds pun takde...so adil ka Tun? Kan bagus kalau lawan fair and square, guna kemampuan masing2 tanpa tabur banyak duit dan 'habuan' pada rakyat. Agaknya inilah cara politik, tak main straight forward, kena juga guna cara bengkok bengkok sana sini asal dapat pengaruhi pengundi2. Alangkah baiknya jika guna pendekatan penyampaian pidato, berkomunikasi dengan pengundi2 mengikut daerah dan dialek masing2. Baru kita boleh menilai dengan cara mereka berhujah, bercakap benar atau menipu. Cara sekarang yang saya lihat, panggil datang ramai2 duduk

bawah khemah besar berkipas dan beri jamuan dan 'habuan' atas nama pelancaran so and so, maka senang hati dan kenyanglah perut, Alhamdulillah bukan selalu dapat makan free dan sedap2, tapi nampak macam tak 'bersih' dan adil. Oh well, that's the way of politics.

Namun, sesiapa pun yang menang atau kalah, kerajaan pusat mesti berlaku adil kepada pengundi2 kawasan itu dengan memberi dana dan hak mereka, bukan menyekat dan menindas.

Tun, boleh saya tanya, Tun anggap kami di chedet ni beri komen foolish ka? Tun disappointed dengan kami ka? Saya ni bukan dr, bukan ir, bukan pemain shares, bukan hebat ini bukan hebat itu tapi housewife je so komen pun tak standard la.

This dr (who?) kata we are foolish useful (tq kata usuful) idiots. At least we are not corrupted idiots.

We don't steal and cheat billions and billions of our country's coffers. We are not Liars. We comment from our foolish sincere hearts. May this dr (who?) have good days ahead of him.

May Allah Bless you Tun. May Allah Protect you Always Tun. May Allah grant you great wealth in health, happiness and knowledge. And Thank you Tun. Tun jangan lupa follow strictly to your doctor's orders.

#### 4. [Log in to Reply pakpandir08Apr 28,2016 12:36 AM](#)

Kepada saudara Hajar aka pembodek,

1)Pembodek itu sama dengan penjilat

- Ada yang bodek dan dapat dedak, ada juga yang bodek tetapi tak dapat dedak
- Kebanyakan yang dapat dedak, tidak akan mengakui mendapat dedak (ini common sense)
- Imbas kembali segala hujah kamu. Sekiranya setiap hujah kamu mempunyai 10 perenggan, 8 perenggan itu memuja-muja Tun, hanya 2 perenggan yang berkenaan dengan topik yang dibincangkan. Sebab itu menyebabkan orang lain terasa macam membodek

2) Tiada kesalahan sekiranya kamu ingin membela atau memperjuangkan kepentingan bangsa sendiri, dan ia sepatutnya dihormati. Namun cara kamu berbau perkauman

- Kebiasaannya seseorang yang ingin memperjuangkan bangsa akan mencari kelemahan bangsa sendiri, menyarankan cara mempertabatkannya, mengenalpasti apa yang kekurangan, memperkukuhkan ilmu bangsa agar disanjung
- Namun, setiap komen kamu yang menyentuh kepentingan bangsa, pastinya disusul dengan perkataan yang mencemuh dan mengutuk-ngutuk bangsa lain. Seolah-olah semuanya salah kaum lain. Inilah cara dan pendekatan kamu dalam usaha mempertabatkan bangsa, dengan mencari pelbagai alasan bahawa kamu ditindas, dan kaum lain semuanya jahat-jahat belaka
- Sebab itu kamu dikatakan rasis

3) Deklarasi Rakyat atau Deklarasi Bangsa?

- Deklarasi Rakyat berperingkat nasional yang merangkumi kepentingan masa depan semua rakyat berbilang kaum
- Deklarasi Bangsa hanya menyentuh kepentingan bangsa
- Komen-komen kamu yang berbau perkauman itu selari dengan deklarasi rakyat atau deklarasi bangsa?
- Bayangkan sekiranya kamu salah seorang daripada wakil yang meminta tandatangan deklari rakyat di pasar malam. Dengan cara kamu yang asyik mengutuk bangsa lain kerana mereka semua itu jahat-

jahat belaka, apabila seorang uncle/aunty kaum lain yang ketahui perangai kamu itu, adakah mereka akan menurunkan tanda tangan?

4) Dari komen kamu tentang sekolah vernacular, jelas sekali kamu jarang bergaul dengan kaum lain. Kaum lain lebih mementingkan pendidikan untuk jaminan masa depan anak. Sekiranya kamu berpeluang berkongsi pendapat dengan ibu bapa bangsa lain (contohnya kaum cina), mereka akan memberitahu kamu sedemikian:

– Anak hantar sekolah cina, sekiranya tak dapat masuk universiti tempatan, boleh pergi taiwan kerana kemampuan yang terhad. Taiwan itu boleh tahan. Kamu tak tahu ke siapa yang mencipta USB? Anak Malaysia dekat taiwan yang menciptanya

– Mempunyai kelebihan menguasai bahasa ketiga membuka peluang yang lebih luas. Mampu berbahasa dalam English, Melayu, Cina mencukupi untuk bergaul dengan lebih daripada 50% populasi dunia. Peluang yang lebih cerah sekiranya menceburi diri di sektor swasta kerana business swasta lebih kepada pasaran antarabangsa terutamanya transaksi dengan negara China masa kini

5) Sekiranya terdapat peluang untuk meletakkan Tun Mahathir, Tok Nik Aziz dengan Liow Tiong Lai untuk bertanding 3 penjurong di kawasan Cheras yang majoritinya kaum cina

– Jangan terkejut sekiranya Tok Nik Aziz menang besar dengan Liow hilang deposit

– Di negara ini, seseorang yang BERJIWA ISLAM dengan peribadi yang KESERDEHANAAN, mencukupi untuk mengaut sokongan semua kaum dibawah kepimpinannya

Namun, rasanya agar sukar untuk kamu memahami apa yang saya katakan. Kerana sejak lama kamu telah dicurahkan dengan unsur dendam terhadap kaum lain yang membentuk peribadi kamu hari ini

##### 5. [Log in to Reply HajarApr 27,2016 2:07 PM](#)

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi & DiSanjungi Tun,

Mohon izin Tun untuk berbicara lagi dengan penyokong tegar Pembangkang, PakPandir08 (Apr 26,2016 1:43 PM):

1. Anda tulis: "Kepada saudara Hajar (pembodek kuat Tun)".

Anda masih tidak faham bahasa. Tun tidak kenal saya, dan saya juga tiada apa2 kepentingan peribadi dalam hal ini. Tun juga tidak beri apa2 'dedak' (saya tidak ingin pun; duit hasil usaha sendiri yang saya ada pun tak habis 'makan' – saya tidak tamak duit/harta) kepada saya sebab alamat rumah dan nombor AKAUN BANK (peribadi) saya pun Tun tidak tahu. Pembodek mengharap 'dedak' / habuan.

Jadi, jika anda mahu berhujah secara berhemah, sila betulkan dulu tanggapan anda terhadap saya.

2. Anda kata: "Pada pendapat umum, ini lebih kepada hal dalaman parti politik UMNO". Konon 'pendapat umum'. Ada 'survey results'?

3. Merujuk kepada penulisan terdahulu saya (yg PakPandir08 kata berbaur perkauman). Saya cuma komen/komplen hakikat / FAKTA di mana 'Parti/Rejim Najib' TIDAK berlaku ADIL dan menganaktirikan Melayu/Bumiputra yang beliau WAKILI. Itu hak saya sebagai pengundi yang membolehkan DSN menjadi PM. Tanpa undi saya dan yang lain2 beliau tiada di jawatan sekarang. Kerana mungkir janji, saya tarik balik sokongan saya kepada DSN. Faham ke PakPandir08? Anda mana faham sebab anda undi Pembangkang...

4. Betullah tanggapan saya sebelum ini. PakPandir08 mahu saya bersikap pro-Pembangkang seperti DSN dll., dan barulah saya tidak dianggap rasis. Alahai! Kononnya demokratik dan adil. Grow up lah! PakPandir08 & gang mahu rakyat yang tertindas taat dan terima membuta-tuli apa saja yang DSN buat.

5. Menurut PakPandir08 (yang KIASU), jika rela diTINDAS dan bersabar saja, barulah PakPandir08 & gang kata kaum Melayu (termasuk saya) tidak bersikap rasis. Membela kaum sendiri kerana ditindas 'diharamkan' kepada orang Melayu/Bumiputra – dituduh rasis (tapi bukan Melayu/Bumi boleh pula). Memang dangk\*! pemikiran anda wahai PakPandir08. Anda ingat anda saja ada HAK di bumi Malaysia ini ke?

6. Agaknya selama hari ini PakPandir08 & gang 'bengang' bila saya kritik DSN yang pro-Pembangkang (fakta), dan tuduh saya rasis.

7. PakPandir08 saya yakin pendokong kuat Sekolah2 JENIS Kebangsaan (sebab dia terasa 'pedas' bila saya ungkit tentang 'dedak' yang banyak diTABUR oleh DSN sebelum PRU-13 kepada kaum beliau; 'dedak' ambil, tapi undi 'elek'; DSN kena tipu)...tapi tuduh orang lain bersikap rasis. Sekolah 'vernacular' inilah punca UTAMA polarisasi kaum di Malaysia (bukan BTN, etc.). Kecil2 lagi sudah dipisah-pisahkan. "Melentur buluh biar dari rebungunya". Bila dah tua/dewasa, amat sukar untuk di



'lentur' lagi.. Takut jadi macam PakPandir08

8. Teruskan saja usaha Tun sebab Si PakPandir08 akan sentiasa memutar-belitkan fakta. Deklarasi Rakyat pasti berjaya kerana Tun M seorang yang ikhlas berjuang untuk rakyat.

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga \*\*\*

6. [Log in to Reply daengApr 27,2016 8:47 AM](#)

Assalamualaikum Tun.

Saya selari dengan pemikiran Tun dalam soal ini dan banyak perkara lain.

Saya amat bersetuju jika deklarasi rakyat selain menggunakan medium menandatangani secara fizikal dan dibuat juga secara alam maya iaitu internet.

Saya juga sudah menandatangani secara internet "online". Tapi kemusykilan timbul adakah link tersebut tulin atau palsu.

Sewajarnya link tersebut dimasukkan dalam blog chedet untuk memudahkan dan sudah pasti ianya link yang tulin.

Setuju juga dengan pandangan Faradina, Musanto, rmkh, waja perak dan lainnya.

Setuju dengan Waja Perak pengganti Pee M kita tidak perlu risau kerana setakat kebolehan pemikiran Najib yang ada, Waja Perak pun boleh ganti.

Saya yakin dengan saudara Waja Perak setakat kemampuan Najib, saudara Waja Perak jauh lebih baik darinya. Dengan penulisan dan komen tuan, saya cukup yakin tuan mampu dan boleh. Begitu juga mereka yang lain dalam blog ini.

Tapi ianya bukan orang seperti pak pandir08 dan fariq islam. Mirip beb@l macam Najib jugak.

Wassalam Tun.

7. [Log in to Reply sibotak](#) Apr 27, 2016 7:54 AM

By the way

That Billion of 1MDB loses Clicks wit the amount of The Billion of Donations  
Both are Billion in amount , not hundreds ,thousands , million nor Trillions  
But it,s just Coincidence Not to Worry

8. [Log in to Reply sibotak](#) Apr 27, 2016 7:48 AM

Najib ruling is alike US ,West and the Kafir Ruling  
All full of Lies , propaganda and confusion to their own people to the World

Alike US led war towards the Islamic Nations

Is all full of Lies

They know , They Lied to the World , to The people

Yet they continue lying their Media is their No 1 Mechanism to Lie

World know Sept 11 , even US very own Scientists and Professionals

Do admit it was never the Doings of the Muslims on Board the plane

As it was an inside job that can made Sept 11 happen

The White House knows , The Pentagon knows ,The West Allies knows , The World knows it

Yet every walks as if Its Not a Big Deal

As the loses , the sufferings does not occurs to them

Here , I am saying Najib Ruling

Is the Ruling of the Dajal

Same as US , The Jews ways of Proxy

Lying , Cheating , Hurting others for their own Benefits

But they Forget

They can be the professional planner

We can be the weaker planner

But Allah is The Best Planner

Looking at all their plans , evil intentions , full of Lies it goes to Najib

Islam is on the rise

The fastest rising religion today not just in US , West even throughout the World

And the best part of all

It's the Reverts that Reverts most US ,Westerners and most from all parts of the World

It was never much of the efforts of the born Muslim Nor of the efforts of the Arabs

Was it not Fascinating  
The Plan of Allah ?

For these we Muslim  
Should Thank The Evil Bush , The Devil Blair ,The Setanic Nethanyahu  
Their Evil plans Did Reverts more and more Muslims throughout their own Nations and the World

But Insyallan ,Insyallah  
Allah will deal with them for the lost of our Brother and Sister  
Baby and Children , Elderly and the Weak and the sufferings

These goes to you Najib  
As a Muslim you know Allah is the best planner  
So starts erasing yr Western drawings  
Get a new Sheets ,Get a New Life  
The 2.6 Billion money as you confessed it was donations from Sauds  
That money pwas also donated by Allah to Sauds

He is Most Gracious Most Merciful

9. [Log in to Reply rimba.emas](#) Apr 27,2016 12:02 AM

Salam Tun.

1. Dalam al-Quran Allah s.w.t mengingatkan manusia sekarang yang masih hidup akan kisah zaman dahulu bagaimana telah di musnahkan umat terdahulu jika engkar akan perintah Allah s.w.t walaupun telah diutus rasul-rasul untuk mengingatkan.
2. Salah satunya umat yang telah di musnahkan ketika diutus Nabi Shuib ialah kaum Madyan. Umat ini curang dalam timbangan jual beli iaitu menolak soal kebenaran dalam perniagaan.
3. Semuanya berlaku ketika adanya utusan rasul yang kebanyakan mengingkari nasihatnya. Ibarat kepala batu yang boleh merebak ke umat kemudian hari maka berlakulah malapetaka yang meninggalkan kesan sebagai iktibar.
4. Sinario kejadian kekuasaan Allah s.w.t yang dapat menghapus kuasa jahat yang telah merebak pada pemerintah tertinggi negara.
5. Dalam keadaan sekarang tanpa Rasullullah s.a.w, kebenaran pasti akan tertegak bila hari akhirat.
6. Bagaimana pun kita patut tanya diri sendiri adakah kita sanggup hidup bertuankan penjenayah yang mempunyai kuasa menolak kebenaran milik Allah s.w.t.?
7. Deklarasi Rakyat disokong kerana usahanya mendapatkan pemimpin baru dan mengantikannya dengan seseorang yang tidak terlibat dan menyokong dalam pengurusan 1MDB.
8. Deklarasi ini bukanlah atas perjuangan menegakkan agama tetapi berasaskan untuk membetulkan satu cabang dalam kehidupan manusia iaitu akhlak rakyat amnya dan PM khasnya.

9. Kebenaran dalam hukuman tetap akan terlaksana diakhirat nanti sementara dalam kehidupan sekarang kita perlu melakukan kebaikan kerana ia menjadi amalan untuk dibawa ke hari kemudian nanti.

10. Kebenaran dan kesalahan akan di nilai kembali untuk ditempatkan kedalam syurga atau neraka. Sebab itu Syurga dan Neraka ada tingkatnya.

Wallahua'lam

10. [Log in to Reply zulu](#) Apr 26,2016 10:53 PM

<http://www.sarawakreport.org/2016/04/igps-company-is-flogging-guns-on-the-streets-of-kl/>

seems like whole lot are thieves ruling Malaysia right now...

11. [Log in to Reply HBT456](#) Apr 26,2016 10:24 PM

29. <http://www.malysiakini.com/news/339214>

30. I am not angry, but I am very disappointed with this kind of politics.

12. [Log in to Reply Sri Sense](#) Apr 26,2016 10:14 PM

Salam Tun



Pening baca pasal 1MDB. Hari ini bursa semerah biji saga.

Cakap apa pun balik2 sama juga.

Goodnight!

13. [Log in to Reply musato](#) Apr 26,2016 9:32 PM

Assalamualakum Tun.

Okey la tu walau tak efektif, dalam internet cuma.

Internet dan penulisan adalah padang permainan saya dengan Tun. Itulah jalan yang telah ditentukan oleh Allah swt selama ini. Kami bertemu sebegitu.

Apakah Allah swt membiarkan kesedihan menyelubungi hambaNya selama ini?

Untuk saya menyertai secara fizikal belum lagi agaknya. Belum sampai seru. Bidang politik bukanlah kegemaran saya. Tapi minat untuk berbakti kepada masyarakat dan negara tu adalah sikit sikit.

Saya pernah beritahu Tun saya tak suka politik. Dan jawapan Tun "dalam politik boleh kenal ramai orang".

Tapi sampai sekarang minat tersebut tak muncul muncul. Atau mungkin saya hanya mengikut arus perjalanan takdir, sebagaimana dianjurkan oleh Syeikh Abdul Qadir Al Jailani.

Jika tidak dianjurkan pun, itulah sikapnya.

Mencari bermakna anda mencari bebannya. Usahlah mencari kata Syeikh, "Kerana kamu sudah pandai".

Semoga Allah swt mengurniakan kejayaan dunia dan akhirat kepada kita.

Terima kasih Tun.

14. [Log in to Reply HBT456](#) Apr 26,2016 9:19 PM

19. <http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/04/26/transport-meeting-international/>

20. All vrips are hold by malay.

21. Big can never go bust?

22. Its alright.

23. But most importantly, take the responsibilty.

24. Stop using racial and religion cards to show your supremacy.

25. Everyone has passion too.

26. Passion means emotional, cepat hilang sabar.

27. Takpalah, jadi 2nd class citizen lagi bagus so that we dont have to be scapegoat again by the future wanabe.

28. Smile.....

15. [Log in to Reply sc](#) Apr 26,2016 8:21 PM

Dear Tun,

Any opinion on the fact that 1MDB has now defaulted on its debt with IPIC?

The Government now has to honour Bond holders, which means the Malaysian people will now have to pay.

Do you realise you, your children and grand children will have to foot this bill?

Does this please you?

16. [Log in to Reply Sri Sense](#) Apr 26,2016 7:21 PM

Salam Tun

Tun Dr Mahathir Mohamad must name his choices for the prime minister and deputy prime minister's post to dispel claims that he wants his son to be named for the positions, Datuk Seri Tengku Sarifuddin Tengku Ahmad said today.

The press secretary to Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said that until Dr Mahathir is willing to do so, suspicions will remain that his offensive against Najib is driven purely by his ambition to see his son, Datuk Mukhriz Mahathir, one day rule the country.

– Rasa macam Hajar ada sebut ini kat sini. Macam pernah baca. Kalau tanya I, tak tau. I tau hutang 1MDB bertimbun bikin ramai rakyat pening kepala. Kalau after Najib, I rasa Muhyiddin lebih layak. Zahid tu walaupun I anak Perak, I rasa Zahid lebih sesuai jadi TPM bila Najib tak ada sekali pun. To be fair la. Oh ya Tengku Sarifuddin, jangan lupa tolong bayar hutang boss, pakai duit sendiri,



ok.

See more at: <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/najibs-aide-challenges-dr-m-to-disprove-ambition-to-make-mukhriz-pm#sthash.UDQVX8Z9.dpuf>

17. [Log in to Reply Praxis](#) Apr 26, 2016 7:01 PM

If objective is to gain mass to convince rulers, don't see problems, with your campaigning.

But if regime not following the rules of the game, why should the masses follow the rules?

18. [Log in to Reply Sri Sense](#) Apr 26, 2016 3:06 PM

Dear Tun



I would like to share latest news with you regarding 1MDB

### **1MDB says its bonds in default after missing interest payment**

KUALA LUMPUR – Troubled state investor 1Malaysia Development Berhad (1MDB) confirmed on Tuesday (April 26) that the non-payment of US\$50.3 million (S\$68.1 million) in interest over a now defaulted US\$1.75 billion bond had resulted in cross-defaults for RM7.4 billion (S\$2.6 billion) in other bonds.

The failure to pay the interest due on Monday arose due to a dispute with IPIC, an Abu Dhabi state-owned sovereign wealth fund, which had guaranteed two US\$1.75 1MDB bonds due in 2022.

“Notwithstanding the dispute with IPIC (International Petroleum Investment Company), 1MDB reiterates that it will meet all of its other existing financial obligations and has ample liquidity to do so,” said the Malaysian firm, whose debt pile of RM51 billion last year had fuelled calls for Prime Minister Najib Razak’s resignation.

While 1MDB confirmed that it had to pay up an RM5 billion sukuk due in 2039 and the RM2.4 billion Bandar Malaysia Sdn Bhd sukuk due between 2021 and 2024, other debt remained undisturbed. However, an RM800 million loan from Malaysia’s Social Security Organisation (SOCSSO) could possibly be called in due to a “material adverse effect” clause.

The RM5 billion sukuk and the loan from the social welfare body are both guaranteed by the government, which could also now be liable to more than US\$6.481 billion which Abu Dhabi claims it is owed by 1MDB.

IPIC had on Monday said that it would pay the US\$50.3 million interest instalment to bond holders, based on its commitments as the sole guarantor of the bond issue, only once 1MDB had defaulted on it.

The two state-owned outfits are feuding over fund transfers of roughly US\$3.54 billion that 1MDB said it made to units of IPIC under obligation of a May 2012 bond agreement. But IPIC declared that it never received those monies, triggering questions about the payment of the US\$50.3 million in interest that were due.

"Accordingly, whilst 1MDB has the funds to have made the interest payment, it is 1MDB's position, as a matter of principle, that it was IPIC's obligation to do so. Until IPIC accepts that all obligations have been met, 1MDB is obliged to withhold payments and will seek legal recourse and resolution," the Malaysian company said.

The dispute is the latest twist in the ongoing financial fiasco at 1MDB, a brainchild of Datuk Seri Najib that is now the subject of investigations in seven countries, including Singapore. The investigations, which centre on billions of dollars that allegedly have gone missing at the state-owned strategic investment fund, has put the spotlight on Mr Najib's administration as well as governance issues in Malaysia.

The fallout from the default was discussed at meetings between Mr Najib and 1MDB's president and group executive director Arul Kanda in recent weeks. According to government officials familiar with the meetings, Mr Arul informed the Prime Minister that the Malaysian government would be exposed to US\$6.481 billion under indemnity clauses with IPIC in the event of a default.

The exposure, which amounts to roughly 4 per cent of the Malaysian government's outstanding debt, includes the US\$3.5 billion bond, US\$1.15 billion in cash advances and another US\$481 million in a disputed payment the Abu Dhabi entity says it is owed, according to Malaysian government officials.

1MDB also said it has "proactively met with and explained the consequences of the IPIC dispute" to trustees and investors of its debt and "trusts that the respective parties and the financial markets in general, will understand this unfortunate default as being very specific to its dispute with IPIC and is not due to an inability to make payment when due".

The ringgit responded negatively to the news, moving down to as low as 3.93 against the dollar, from 3.91 when the market opened.

News can be found here :

<http://www.straitstimes.com/asia/se-asia/1mdb-says-some-of-its-bonds-are-in-default-after-missed-payment>

19. [Log in to Reply](#) **malaysian1000000** Apr 26, 2016 2:41 PM

Salam,

Hujah untuk Fariq Islam,

Masih lagi minta pendapat TUN untuk pengganti? Kalau salah lagi anda nak kutuk TUN lagi seperti post – post anda sebelum ini?

Common, TUN sudah buka jalan untuk kita sama – sama turunkan PM yang kontroversi (tak suka guna perkataan “guling” kerana kita desak secara demokrasi bukan keganasan)

Soal pengganti, kita sama – sama pilih nanti, nama – nama calon pilihan sudah ada. Kita pilih sendiri nanti. Soal itu jangan takut dan rungsing sangat. Tak mati/mundur/kebulur rakyat Malaysia tak ber-PM dalam waktu singkat.

